# KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 27/3/2019 | MUKA SURAT | : | 23 |
| JABATAN | : | IWK | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

# IWK bantu selesai masalah pembetungan

KUALA LUMPUR – Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd melakukan dua pemeriksaan pada sistem pembetungan di Taman Megah bagi mengenal pasti punca sebenar masalah tersebut.

IWK dalam satu kenyataan berkata, semasa pemeriksaan dibuat, pihak IWK telah menggunakan peralatan kamera litar tertutup (CCTV) ke dalam paip pembetungan untuk mengeluarkan beberapa punca yang menyebabkan masalah saluran paip tersumbat.

Namun, masalah tersumbat berulang akibat kerosakan struktur pada paip pembetungan persendirian di bawah selenggaraan pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Menurut IWK, pemeriksaan kedua melalui CCTV menunjukkan punca sebenar kerosakan iaitu pemasangan kabel asing oleh pihak tertentu yang menjejaskan paip pembetungan tersebut.

## Air kumbahan melimpah atas jalan

SEGAMBUT – "Lebih baik bungkus makanan kalau hidung tak tahan dengan bau busuk," ...uah seorang pengusaha kedai makanan, Aida Ahmad 45 susulan sisa air kumbahan melimpah atas jalan di Pangsapuri Taman Megah, sejak seminggu lalu.

Jelas Aida, masalah itu menimbulkan ketidakselesaan kepada pelanggan yang datang ke kedai untuk makan tengah hari.

"Saya minta maaf kemudian saya syorkan mereka bungkus, kalau hidung tahan bolehlah makan di sini," katanya.

Menurutnya, masalah itu telah diajukan kepada Indah Water Konsortium (IWK) namun belum ada kerja baik pulih dil-



Ponnampalam menunjukkan air kumbahan melimpah di jalan. Gambar ke...

...ara Rakyat, A Ponnampalam berkata, dia kecewa apabila aduan tidak diambil tindakan segera.

"Penduduk terpaksa hidu bau busuk dan kawasan perumahan

"Siasatan telah di b... didapati sistem pembetu... kawasan Taman Megah... diserahkan ke... milik persendiri... tanggungjawab

Laporan *Sinar Harian* 23 Mac.

Bagi membantu penduduk, IWK telah menyerahkan hasil siasatan yang lengkap dengan lokasi sebenar kerosakan kepada pihak pengurusan bangunan untuk tindakan lanjut.

IWK menasihatkan pengguna tidak membuang sampah atau sisa minyak masak ke dalam singki atau mangkuk tandas bagi mengelakkan daripada keadaan seumpama itu berlaku.

Sinar Harian pada 23 Mac lalu melaporkan keluhan Pengerusi Suara Rakyat, A Ponnampalan yang menyatakan air kumbahan bertakung menyebabkan penduduk di Taman Megah terpaksa menghidu bau busuk.

Menurut IWK, walaupun kawasan itu bukan di bawah penyelenggaraan pihaknya, namun IWK telah membuat pemeriksaan di kawasan terbabit selepas menerima aduan penduduk.